

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI  
[ TENOM ]**

**TARIKH : 18 MAC 2014**

**SOALAN :**

**Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- a. perancangan strategik Kerajaan dalam merangka semula penempatan kependudukan dan kediaman yang kerap mengalami bencana banjir; dan
- b. setakat mana rasional perlu ada pusat pemindahan kekal disediakan bagi mangsa banjir di negara ini.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai tindakan bagi mengurangkan impak bencana kepada kehidupan masyarakat. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) daripada 2011-2013 ini telah membelanjakan sejumlah RM2.21 billion untuk pembinaan sejumlah 121 projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Johor, Perak, Perlis, Kedah, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Dengan adanya projek ini, kawasan-kawasan yang dahulunya kerap dinaiki banjir kini risiko tersebut telah dapat diatasi sepertimana yang telah dilaksanakan di Kota Tinggi, Johor. Bagi tahun 2014, sejumlah RM621 juta telah disediakan untuk melaksanakan projek RTB.

Penggunaan pusat-pusat komuniti seperti balai raya dan sekolah sebagai pusat pemindahan ini sememangnya telah menjadi norma atau amalan biasa, selaras dengan konsep *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) yang mana memanfaatkan semua prasarana awam secara gunasama.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada maklumbalas Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) yang telah diadakan pada 24 September 2013 lalu telah menyatakan bahawa daripada sejumlah 4,969 buah pusat pemindahan yang telah didaftarkan, sebanyak 46% atau 2,331 pusat pemindahan adalah

sekolah manakala selebihnya adalah Kompleks Penghulu, dewan orang ramai, pusat komuniti dan lain-lain.

Pembinaan pusat pemindahan yang khusus untuk digunakan semasa bencana dilihat masih belum wajar kerana ia akan melibatkan implikasi kewangan yang besar di samping akan menyebabkan pembaziran kerana fungsi khusus tersebut akan menjadikan fasiliti tersebut terbiar semasa ketiadaan bencana.

Sebaliknya, Kerajaan akan meningkatkan keupayaan dari segi kemudahan-kemudahan di Kompleks Penghulu, dewan orang ramai, pusat komuniti, pusat sukan dan lain-lain untuk digunakan sebagai pusat pemindahan.

Walau bagaimanapun, dalam usaha memanfaatkan semua prasarana awam secara gunasama, projek pembinaan sekolah dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) ini, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menggunakan pelan standard di mana setiap sekolah baru akan turut dilengkapi dengan tempat mandi dan tandas yang mencukupi bagi menampung keperluan sebagai pusat pemindahan bencana. Pembinaan ini telah dilaksanakan di sekolah-sekolah di Negeri Johor, Melaka, Perak, Kelantan dan Kedah dan akan diteruskan bagi pembinaan di negeri yang lain.

Dengan pendekatan ini, diharapkan dapat memberikan sedikit keselesaan kepada mangsa bencana yang dipindahkan dan mengurangkan kesesakan bagi kemudahan di sekolah-sekolah yang dijadikan sebagai pusat pemindahan.

Sekian. Terima kasih.